

23/03/1999

PM perjelas isu kediaman rasmi

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan dakwaan kononnya beliau meluluskan pembinaan kediaman rasmi Perdana Menteri di Putra Jaya, untuk kediamannya dan keluarga.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, pembinaan kediaman yang didakwa seperti mahligai oleh parti pembangkang dan penyokong reformasi itu, dirancang khusus oleh pihak tertentu untuk bakal Perdana Menteri jika rancangan menggulingkan beliau tahun lalu berjaya.

Dr Mahathir berkata, kediaman yang turut mempunyai enam bilik itu bukan untuk dirinya kerana beliau hanya mempunyai dua anak yang tinggal bersama tetapi untuk bakal Perdana Menteri selepasnya yang mempunyai enam anak.

Menurutnya, urusan pembinaan Putra Jaya adalah tanggungjawab bekas Menteri Kewangan yang menguruskan semua kontrak kepada pihak tertentu walaupun kadangkala beliau ditanya berhubung apa yang diperlukannya.

"Saya dituduh kononnya membina mahligai itu. Ketika kita rancang rumah untuk Perdana Menteri, ia bukan untuk saya. Saya tahu kalau pun saya dapat masuk, ia cuma untuk beberapa bulan sebab saya bercadang untuk letak jawatan pada 1998.

"Keperluan untuk rumah saya sikit saja. Saya cuma ada dua anak yang tinggal dengan saya. Saya bukan hendak benda yang besar-besar.

"Saya anggap bangunan yang akan digunakan Perdana Menteri bila-bila masa pun mesti sesuai tetapi saya tak perlu enam bilik. Kenapa rumah ini perlu ada enam bilik ... untuk anak? Sedangkan saya cuma ada dua anak. Tentulah untuk orang yang ada enam anak," katanya dalam sidang akhbar di akhir lawatan dua harinya ke Kedah, di sini hari ini.

Perdana Menteri juga berkata, ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau tidak pernah merungut walaupun terpaksa mendiami rumah yang tidak mempunyai bilik mencukupi untuk lima anaknya.

"Dulu pun masa saya jadi Timbalan Perdana Menteri, saya diberi sebuah rumah yang tak cukup bilik walaupun anak saya lima masa itu. Tiga duduk dalam satu bilik. Seorang duduk dalam stor yang diubah suai jadi bilik tidur dan yang seorang lagi tinggal dalam bilik air.

"Saya tak merungut dan anda pun tak tahu ini berlaku," katanya.

Mengenai dakwaan kononnya kediaman di Putra Jaya itu turut dilengkapi terowong, Dr Mahathir berkata ia sebenarnya terowong untuk Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dari Putra Jaya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Menurutnya, terowong itu dibina lebih awal supaya kerja-kerja mengorek tidak perlu dilakukan apabila bangunan itu siap.

Mengenai pembelian pesawat rasmi Perdana Menteri yang didakwa sebagai pembaziran, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan pesawat sedia ada tetapi ada orang lain memesan pesawat baru dengan tujuan menggunakannya jika rancangan menggulingkannya berjaya.

"Kapal terbang bukan saya yang pesan. Saya puas hati dengan kapal terbang yang ada. Tetapi ada orang yang pesan kapal terbang, mungkin akan digunakannya lebih daripada saya kerana saya dah tentu tidak akan jadi Perdana Menteri, terutama kalau rancangan tahun 1998 berjaya dan saya digulingkan.

"Maka kapal terbang akan digunakan orang yang menggantikan saya tahun ini. Jadi untuk siapa. Apa saya pernah minta sesuatu untuk saya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menegaskan, Kerajaan Kedah pernah menawarkannya

tanah di Langkawi dan Alor Star tetapi beliau menolak tawaran berkenaan.

"Saya buat Langkawi jadi kawasan bebas cukai dan kalau saya nak ambil duit, saya ambil tanah awal-awal lagi sebelum dijadikan kawasan bebas cukai. Saya tak ada sekeping pun tanah di Langkawi.

"Kerajaan Kedah waktu Tan Sri Osman Aroff nak beri tanah di Alor Star saya tak terima. Saya bukan tamak ... saya nak bawa ke mana semua ini," katanya.

(END)